



# GARIS PANDUAN PENYERTAAN

“

## PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN POSTER

BERTEMAKAN NORMA BAHARU  
PENCEGAHAN COVID-19

”





## **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN POSTER BERTEMAKAN NORMA BAHARU PENCEGAHAN COVID-19**

### **1. PENYERTAAN**

Penyertaan Pertandingan Video Pendek dan Poster Bertemakan Norma Baharu Covid-19 terbuka kepada seluruh penjawat awam negeri dan persekutuan negeri Perak.

### **2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

#### **2.1 Video Pendek Norma Baharu Covid 19**

- 2.1.1 Setiap individu boleh menghantar hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipilih untuk memenangi hadiah utama;
- 2.1.2 Hendaklah mengandungi perkataan “norma baharu”;
- 2.1.3 Menekankan pembudayaan norma baharu dan langkah prihatin negeri Perak di dalam menangani Covid 19;
- 2.1.4 Durasi video pendek tidak lebih daripada 3 minit (maksima);
- 2.1.5 Pertandingan video pendek perlu dihasilkan di dalam kumpulan sekurang-kurangnya dua (2) orang;
- 2.1.6 Peserta hendaklah memastikan video yang dihasilkan tidak mengandungi unsur lucah, perkauman, agama, politik dan menyentuh sensitiviti individu;
- 2.1.7 Penyertaan video mestilah dalam format MPEG, MP4 atau AVI;
- 2.1.8 Setiap video perlu mempunyai logo Jata Negeri Perak;
- 2.1.9 Setiap video dalam penyertaan adalah serta-merta menjadi hak milik Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan;
- 2.1.10 Tarikh akhir penyertaan adalah pada **26 November 2020 (Khamis)**;
- 2.1.11 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A**;
- 2.1.12 Penyertaan hendaklah dihantar ke e-mel [prosukperak@gmail.com](mailto:prosukperak@gmail.com);
- 2.1.13 Panel Penilai tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini ;



## **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN POSTER BERTEMAKAN NORMA BAHARU PENCEGAHAN COVID-19**

- 2.1.14 Setiap ciptaan video hendaklah **KARYA ASLI PESERTA** dan tidak diplagiat/ diciplak dari mana-mana penghasilan video tempatan mahupun luar negara; dan
- 2.1.15 Pihak urus setia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Panel penilai/ urusetia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ diciplak;

### **2.2 Poster Norma Baharu Covid-19**

- 2.2.1 Setiap individu boleh menghantar hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipilih untuk memenangi hadiah utama;
- 2.2.2 Mengandungi perkataan “norma baharu”;
- 2.2.3 Menekankan pembudayaan norma baharu dan langkah prihatin negeri Perak di dalam menangani Covid 19;
- 2.2.4 Pertandingan poster perlu dihasilkan secara individu;
- 2.2.5 Peserta hendaklah memastikan poster yang dihasilkan tidak mengandungi unsur lucah, perkauman, agama, politik dan sensitiviti individu;
- 2.2.6 Setiap penyertaan perlu mempunyai logo Jata Negeri Perak;
- 2.2.7 Setiap poster dalam penyertaan adalah serta-merta menjadi hak milik Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan;
- 2.2.8 Tarikh akhir penyertaan adalah pada **26 November 2020 (Khamis)**;
- 2.2.9 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A**;
- 2.2.10 Penyertaan hendaklah dihantar ke e-mel [prosukperak@gmail.com](mailto:prosukperak@gmail.com);
- 2.2.11 Panel Penilai tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini;



## **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN POSTER BERTEMAKAN NORMA BAHARU PENCEGAHAN COVID-19**

- 2.2.12 Setiap ciptaan poster hendaklah **KARYA ASLI PESERTA** dan tidak diplagiat/ diciplak dari mana-mana penghasilan karya tempatan mahupun luar negara; dan
- 2.2.13 Pihak urus setia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Panel penilai/ urusetia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ diciplak.
- 2.2.14 Penyertaan adalah berbentuk digital dan dihantar menggunakan format JPEG dan PDF.

### **3. PEMILIHAN PEMENANG**

- 3.1 Setiap penyertaan bagi pertandingan ini akan dinilai melalui beberapa peringkat iaitu:
  - 3.1.1 Panel penilai akan memilih tiga (3) video pendek dan poster yang terbaik untuk ke peringkat akhir;
  - 3.1.2 Pihak urusetia akan menghubungi peserta-peserta yang layak ke pusingan akhir serta memuatnaik video pendek dan poster yang telah terpilih, ke akaun 'Facebook' rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;
  - 3.1.3 Peserta perlu berkongsi pautan *Facebook* Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk mendapatkan jumlah sukaan video pendek dan poster yang terbanyak bagi menentukan kedudukan akhir Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga.



## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN POSTER BERTEMAKAN NORMA BAHARU PENCEGAHAN COVID-19

### 4. HADIAH

4.1. Hadiah bagi Kategori Pemenang Video Pendek (berkumpulan) dan Poster adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN	KATEGORI PEMENANG	
	VIDEO PENDEK (Kumpulan)	POSTER
Johan	RM 1500.00	RM 500.00
Naib Johan	RM 1000.00	RM 400.00
Tempat Ketiga	RM 500.00	RM 300.00

### 5. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 5.1 Panel penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat penyertaan yang ditetapkan;
- 5.2 Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan;
- 5.3 Pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh urus setia pertandingan.

### 6. TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Melengkapkan borang penyertaan seperti di **Lampiran A** bersama rekaan video pendek/poster dan mengembalikan sebelum atau pada **26 November 2020 (KHAMIS)** ke:

E-mel: [prosukperak@gmail.com](mailto:prosukperak@gmail.com)





**GARIS PANDUAN  
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN POSTER BERTEMAKAN NORMA  
BAHARU PENCEGAHAN COVID-19**

7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

**No. Tel. : 05-2095196 (Pn Atikah)  
05-2095194 (Pn Syazarina)  
05-2095197 (En Fauzi)**

LAMPIRAN A



**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK DAN  
POSTER NORMA BAHARU COVID 19**

<b>Nama Peserta</b>	:	
<b>No Kad Pengenalan</b>	:	
<b>Nama Jabatan</b>	:	
<b>Jawatan</b>	:	
<b>No Tel. Pejabat</b>	:	
<b>No. Tel. Bimbit</b>	:	
<b>E-mel</b>	:	

**Pengesahan:**

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar mana-mana syarat pertandingan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

**TANDATANGAN** : .....

**NAMA** : .....

**TARIKH** : .....